

Majlis Pelancaran Lawatan Korporat ke China Meriah

Oleh: Nur Shazana Mohd Nor

SELASA, 12 MAC - Majlis Pelancaran Projek Lawatan Kerja Korporat dan Amal Kuala Lumpur-Beijing 2013 telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Dewan Auditorium, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah pada 12 Mac 2013. Pelajar yang terlibat seramai 46 orang iaitu pelajar tahun tiga, Komunikasi Jalur Perhubungan Awam dan Periklanan.

Dekan Sekolah Sains Sosial (SSS), Prof. Madya Haji Inon Shaharuddin Abdul Rahman telah menyempurnakan simbolik perasmian dengan melakukan gimik memecahkan ais ditemani oleh Pensyarah merangkap Penyelaras Program Nordiana Zainuddin dan Pengarah Projek, Gan Wai Seng.

Program ini telah dijalankan setiap tahun oleh pelajar Komunikasi Tahun Tiga dalam kursus Projek Rundingcara Perhubungan Awam.

Prof Madya Haji Inon Shaharuddin berkata "Projek tersebut bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar secara praktikal mengenai pengamalan perhubungan awam di dalam dan luar negara.",

"Pihak universiti juga amat menyokong aktiviti mobiliti program iaitu pelajar dibenarkan malah digalakkan untuk melawat satu institusi pengajian tinggi di luar kampus UMS iaitu di luar negara," katanya dalam majlis tersebut.

Tambahnya lagi, menerusi aktiviti sedemikian dapat melahirkan pelajar

yang berkualiti, berketerampilan, intelektual dan berdaya saing,

Dalam satu sesi temubual berasingan, Pengarah Projek, Gan Wai Seng berkata persiapan telah dilakukan lebih awal sebelum projek tersebut berlangsung supaya ia berjalan dengan lancar.

Para pelajar yang terlibat juga telah mengambil inisiatif sendiri untuk mengumpul dana dengan menjalankan pelbagai projek seperti menjual roti di Sekolah Sains Sosial serta mencari tajaan dari luar untuk menjalankan projek mereka.

Menurut Gan lagi, antara objektif yang ingin dicapai menerusi projek itu ialah untuk melihat secara praktikal

pengamalan gaya perhubungan awam serta menjalinkan hubungan dua hala dalam aspek pengurusan dan perkongsian dalam pelbagai kemahiran.



Pelajar Program Komunikasi Jalur Perhubungan Awam & Periklanan bergambar bersama empat dari kiri Pensyarah Perhubungan Awam, Prof. Dato Hamdan Adnan, Dekan SSS, Prof Madya Haji Inon Shaharudin Abdul Rahman dan Pensyarah merangkap penyelaras program Nordiana Zainudin.